

**STESEN MINYAK BERSUBAHAT SELEWENG DIESEL**

**9 DIARAH TUTUP**

METRO AHAD MS: 11

19/6/2022

## Shah Alam

**T**idak beri muka apabila sebanyak sembilan stesen minyak diarah tutup oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selepas disyaki bersubahat dengan penyeludup diesel bersubsidi.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, tindakan ke atas sembilan stesen minyak di seluruh negara itu diambil mengikut Akta Kawalan Barang (AKB) 1961.

"Amaran kepada semua pengusaha stesen minyak, kita tidak teragak-agak mengambil tindakan lebih tegas termasuk menutup operasi stesen minyak dan membatalkan lesen sekiranya didapati mereka bekerjasama dalam aktiviti penyelewengan diesel.

"Ada (stesen minyak) yang sudah ditutup, ada dalam siasatan dan ada juga dalam risikan kita. Kita akan guna apa juga keupayaan di pihak KPDNHEP untuk mencegah perkara itu dari berleluasa.

"Dari segi modus operandi, sindiket akan membuat pengubahsuaian terhadap lori yang sepatutnya hanya boleh memuatkan 250 liter diesel.

"Sindiket akan membuat pengubahsuaian dari segi

kenderaan digunakan dan pengusaha stesen minyak sengaja membenarkan penjualan melebihi 250 liter," katanya dalam sidang media Tindakan Kes Barang Bersubsidi di Taman Sri Muda, Seksyen 25 di sini, semalam.

Mengulas mengenai tindakan penguatkuasaan terkini Azman berkata, terdapat beberapa kes berkaitan penyelewengan minyak diesel bersubsidi termasuk di Selangor, Johor, Kelantan serta Labuan.

"Satu kes penyelewengan diesel bersubsidi di sebuah stor haram di Klang, Selangor berjaya dipatahkan sepasukan anggota penguat kuasa KPDNHEP Putrajaya hasil kejayaan merampas kira-kira 5,000 liter diesel bersubsidi dan sebuah lori bernilai RM37,750.

"Satu lagi kes berlaku di Johor membabitkan bebera-

pa lori dan diesel berjumlah 95,000 liter dan wang tunai RM12,507 dengan nilai rampasan dianggarkan senilai RM3,018,007.

"Satu lagi kes di Kelantan membabitkan sebuah kereta yang diubah suai tangki membabitkan nilai rampasan petrol sejumlah RM3,000 dan satu kes di Labuan membabitkan rampasan diesel bersubsidi bernilai RM430," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan statistik penguatkuasaan KPDNHEP, terdapat peningkatan ketara jumlah kes dan nilai rampasan ke atas diesel dan RON95 sejak 1 Januari sehingga 31 Mei berbanding tahun lalu.

"Bagi kes diesel, berlaku peningkatan tinggi tahun ini iaitu sebanyak 128 kes membabitkan nilai rampasan berjumlah RM3.06 juta berbanding 52 kes dengan nilai rampasan RM2.20 juta

tahun lalu.

"Sebanyak 54 kes pula direkodkan berkaitan rampasan petrol RON95 bernilai RM365,116 tahun ini berbanding 49 kes membabitkan jumlah RM96,787 tahun lalu," katanya.

Katanya, antara faktor peningkatan kes adalah disebabkan perbezaan harga yang ketara antara harga industri dan subsidi (stesen minyak) serta harga di negara jiran yang lebih tinggi berbanding harga diesel serta petrol di Malaysia.

Ini sekali gus menyumbang kepada meningkatnya aktiviti penyelewengan dan penyeludupan ke atas bahan petroleum berkenaan.

"Bahagian Penguat Kuasa akan terus mempergiatkan pemantauan dan penguatkuasaan secara besar-besaran untuk membanteras jenayah penyelewengan serta penyeludupan diesel dan RON95 yang menjejaskan bekalan kepada pengguna dan membebaskan kewangan kerajaan daripada segi subsidi yang ditanggung.

"Jaringan kerjasama dengan lain-lain agensi penguatkuasaan di sempadan darat dan perairan negara seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan terus diperkukuh dan dipertingkatkan untuk memastikan penyeludupan dibendung," katanya.



**PENGUAT KUASA KPDNHEP**  
Selangor memeriksa bahagian lori yang diubah suai untuk mengangkut diesel subsidi.



**AZMAN** (dua dari kiri) bersama Ketua Penguat Kuasa merangkap Timbalan Pengarah KPDNHEP Selangor, Mohd Khairi Jamaludin (kiri) melihat lori yang diubah suai bagi kegiatan penyelewengan diesel.